



**KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SAMBUTAN HARI MALARIA TAHUN 2018**

Hari Malaria Sedunia merupakan salah satu dari lapan sambutan hari Kesihatan Awam Global yang diiktiraf oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau WHO. Sambutan Hari Malaria Sedunia disambut pada 25 April setiap tahun bagi mengiktiraf usaha-usaha global dalam mengawal Malaria. Tema sambutan pada Tahun 2018 adalah 'Bersedia Tumpaskan Malaria' (*Ready To Beat Malaria*).

Objektif sambutan Hari Malaria di Malaysia adalah ialah bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang penyakit Malaria untuk mencapai sasaran SIFAR Malaria manusia jangkitan tempatan di Malaysia menjelang 2020. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengenalpasti Malaysia antara 3 buah negara (bersama Korea dan China) untuk mencapai status bebas malaria menjelang tahun 2020.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melancarkan Pelan Strategik Eliminasi Malaria Kebangsaan (PSEMK) pada tahun 2011, dengan sasaran untuk menghapuskan malaria jangkitan tempatan menjelang tahun 2020. Selepas tujuh tahun pelaksanaan PSEMK, bilangan kes malaria manusia jangkitan tempatan di Malaysia berjaya diturunkan sebanyak 98.4% daripada **5,194 kes** pada tahun 2010 kepada **85 kes** pada tahun 2017. Sehingga 14 April 2018, tiada kes malaria manusia jangkitan tempatan dilaporkan di Malaysia.

KKM akan meneruskan komitmen bagi menjadikan Malaysia **sifar** kes malaria jangkitan tempatan pada tahun 2020 dengan pendekatan 'Strategi Lautan Biru Kebangsaan' bersama agensi seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan sebagainya bagi melaksanakan tindakan pencegahan terhadap kemasukan semula (*Re-Introduction*) jangkitan Malaria.

Rakyat Malaysia juga mempunyai peranan penting dalam hal ini dan disarankan untuk mengambil langkah-langkah berikut:

- I. Bagi penduduk yang tinggal di kawasan berpotensi jangkitan malaria termasuk kawasan sempadan Indonesia dan Thailand perlu menggunakan kelambu berubat dan *repellent*.
- II. Bagi pemilik ladang, tidak mengupah pekerja asing tanpa dokumen yang sah.
- III. Bagi mereka yang selalu masuk ke hutan untuk bekerja, menjalankan aktiviti rekreasi atau memburu, perlu menggunakan *repellent* dan memakai pakaian berlengan panjang.

Sukacita saya mengajak seluruh lapisan masyarakat di Malaysia untuk sama-sama "**Bersedia Tumpaskan Malaria**"

YBHG DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

27 APRIL 2018

Lampiran 1**Taburan Kes Malaria Manusia Tempatan Tahun 2018 dan 2017**

Negeri	2018		2017	
	Kes	Mati	Kes	Mati
PERLIS	0	0	0	0
KEDAH	0	0	0	0
P.PINANG	0	0	0	0
PERAK	0	0	46	0
SELANGOR	0	0	0	0
WPKL	0	0	0	0
N.SEMBILAN	0	0	0	0
MELAKA	0	0	0	0
JOHOR	0	0	0	0
PAHANG	0	0	0	0
TERENGGANU	0	0	0	0
KELANTAN	0	0	20	0
SARAWAK	0	0	0	0
SABAH	0	0	19	0
WP LABUAN	0	0	0	0
JUMLAH	0	0	85	0

Sumber: Sektor Penyakit Bawaan Vektor, Bahagian Kawalan Penyakit

Aktiviti- Aktiviti Sambutan Hari Malaria Sedunia Tahun 2018 di Negeri

Bil	Negeri	Tempat	Tajuk / Tema	Tarikh
1	Kedah	Mini Stadium Daerah Pendang	Ekspo#MyPAKAT Sihat dan Sambutan Hari Malaria Sedunia	21 April 2018
2	Melaka	MiTC Melaka	Sambutan Hari Malaria 2018	24 April 2018
3	Johor	IKBN, Bandar Penawar, Kota Tinggi	Sambutan Hari Malaria 2018	25 April 2018
4	Terengganu	Dataran Permata, Seberang Takir	Karnival Sihat Miliku dan Sambutan Hari Malaria	2 dan 3 Mei 2018
5	Sabah	Ladang Men Suli, Lahad Datu	Sambutan Hari Malaria 2018	4 Mei 2018
6	Pahang	Pejabat Kesihatan Daerah Lipis	Sambutan Hari Malaria 2018	11 Mei 2018
7	Kelantan	Dewan Seminar Kelantan Trade Centra	Sambutan Hari Malaria 2018	18 dan 19 Julai 2018

Sumber: Sektor Penyakit Bawaan Vektor, Bahagian Kawalan Penyakit